



# PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE 9

Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan

4 OKT 2022  
(SECARA MAYA)

&  
5 OKT 2022  
(ILSM, SUNGAI, PERAK)



## TAJUK: PERALIHAN PEKERJAAN DAN STRUKTUR EKONOMI DARI PANDEMIK KEPADA PEMULIHAN

### ABSTRAK

Pandemik Covid-19 ini telah mengakibatkan berlaku pelbagai masalah sama ada dari sudut ekonomi ataupun sosial terutama apabila berlaku penguatkuasaan dasar dan keterbatasan pergerakan individu ataupun persekitaran perniagaan. Keadaan ini memberi kesan kepada kitaran ekonomi semasa terutama dari segi aktiviti perdagangan edaran dan lain-lain aktiviti ekonomi seperti import dan eksport barang dan perkhidmatan. Gangguan dalam kitaran ekonomi menyebabkan banyak impak kepada isi rumah seperti taraf hidup serta sumber kewangan akan mula berkurangan dan keperluan kewangan semasa juga akan menjadi lebih agresif berbanding situasi sebelum pandemik

### RUJUKAN

Menurut Andri Tri Pambudi, Fakultas Ekonomi, Universitas Diponegoro, Semarang (2011) bertajuk "Pergeseran Struktur Perekonomian Atas Dasar Penyerapan Tenaga Kerja Di Provinsi Jawa Tengah" menyatakan bahawa perubahan struktur ekonomi boleh memberi kesan terhadap kitaran ekonomi. Akibat dari transformasi dalam struktur asal contohnya dari struktur tradisional kepada struktur moden memberi kesan yang nyata kepada komposisi kemasukan tenaga kerja (buruh) dan juga sumbangan terhadap produk domestik regional bruto (pdrb) dalam sebuah wilayah atau daerah pentadbiran. Jika dilihat kepada lima (5) penyelidik dari *Centre For Alternative Policies In Economics (CAPE); Institute Of Islamic Banking & Finance (IIIB); International Islamic University Malaysia; Asia School Of Business; dan Renoir Consulting* bertajuk "Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Trajektori Ekonomi Malaysia [ Vol. 3, No. 4, (May, 2022) ]" pula menyatakan krisis kesihatan ini telah menyebabkan gangguan ekonomi dan sosial yang dahsyat apabila aktiviti ekonomi global hampir terhenti. Kos ekonomi yang tinggi dan pelbagai akibat Pandemik Covid-19 termasuk penutupan perniagaan, peningkatan kemiskinan dan beban fiskal yang lebih besar. Pada masa yang sama, pandemik ini telah mempercepatkan kebangkitan ekonomi digital dan mendorong pertumbuhan ekonomi GIG

### HASIL & PERBINCANGAN



KDNK bagi negeri Kelantan mula menunjukkan penurunan bermula pada tahun 2014 dengan nilai sumbangan kepada KDNK Malaysia adalah sebanyak 2.0% berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 2.1%. Kadar pengangguran bagi negeri Kelantan mula meningkat bermula pada tahun 2012 (2.3%) dan terus meningkat sehingga 3.8% pada tahun 2016 dan dalam masa yang sama dapat dilihat juga kedudukan KDNK bagi negeri kelantan juga menurun pada tahun 2014 (2.0%) kepada 1.8% pada tahun 2016. Semasa pandemik iaitu pada tahun 2020 dapat juga dilihat walaupun KDNK meningkat ke paras 1.9%, kadar pengangguran juga masih turut meningkat ke paras 4.3%. selepas pandemik iaitu pada tahun 2021, kadar pengangguran jatuh ke paras 4.2% dengan kedudukan KDNK negeri Kelantan masih berada pada paras 1.9%.



Berdasarkan kepada hasil analisis yang dijalankan didapat kadar pengangguran mempunyai hubungan rapat dengan prestasi ekonomi negeri Kelantan dan bertaburan secara normal. Jika diamati hasil daripada analisis tersebut, kadar pengangguran negeri Kelantan banyak dipengaruhi oleh Sektor Perkhidmatan selain dari sektor seperti Pertanian, Perlombongan, juga Pembuatan. Namun begitu, jika dilihat kepada hubungan secara linear dengan Kadar Pengangguran sebagai satu pembolehubah bersandar, didapat sektor yang sebenarnya akan memberi kesan positif bagi negeri Kelantan adalah Sektor Perkhidmatan dan juga Pembuatan. Kejadian jenayah seperti kekerasan dan harta benda juga agak merisaukan masyarakat setempat. Namun secara purata berkurangan antara tempoh antara 2011 hingga 2019. Keadaan ini tidak membimbangkan kerana kedua-dua jenis jenayah ini signifikan dan mempunyai korelasi negatif apabila dibandingkan dengan kadar pengangguran.

### OBJEKTIF

Melihat keberkesanan terhadap pelaksanaan polisi Kerajaan dalam menentukan dasar dalam menambahbaik status ekonomi semasa fasa pandemik kepada fasa pemulihan bagi peringkat negeri Kelantan.

### METODOLOGI KAJIAN

- ❑ Fokus kajian adalah di peringkat negeri Kelantan dan penilaian yang dibuat adalah terhadap sektor ekonomi yang paling terkesan dalam tempoh pandemik;
- ❑ Sumber data utama yang digunakan adalah dari Jabatan Perangkaan Malaysia merangkumi data seperti KDNK, Tenaga Buruh, Pengangguran; dan
- ❑ Analisis yang akan digunakan dalam kajian ini adalah diskriptif, korelasi dan ujian-t melalui *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)* dengan menggunakan Data Sekunder di mana sumber data diperoleh daripada laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia.

### RUMUSAN

Secara keseluruhannya hasil daripada tindakan Kerajaan dalam melonggarkan kawalan pergerakan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat keberkesanan dalam pelaksanaan polisi kerajaan dalam menentukan dasar bagi menambahbaik status ekonomi semasa dari Fasa Pandemik kepada Fasa Pemulihan. Kedua-dua ini dapat dilihat apabila KDNK negeri Kelantan mencatatkan kadar pertumbuhan positif iaitu 2.4 peratus pada tahun 2021 berbanding kadar pertumbuhan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak -1.2 peratus. Peratus sumbangan Sektor Perkhidmatan kepada KDNK negeri adalah 69.2 peratus berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 68.9 peratus. Sektor Perkhidmatan ini dipacu oleh Subsektor Perkhidmatan Kerajaan dengan sumbangan sebanyak 37.1% (kenaikan 4.5%) berbanding sumbangan pada tahun 2010 sebanyak 36.5%. Aktiviti ekonomi kedua tertinggi pada tahun 2021 adalah Sektor Pertanian yang merekodkan 22.8 peratus (tahun 2020: 23.1%) dan diikuti Sektor Pembuatan yang kekal merekodkan 4.9 peratus pada tahun 2021. Sektor Pertanian dipacu oleh Subsektor Tanaman dengan sumbangan sebanyak 73.4% (kenaikan 2.2%) berbanding sumbangan pada tahun 2010 sebanyak 72.6%. Kadar pengangguran bagi negeri Kelantan juga merekodkan penurunan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 4.2% (tahun 2020: 4.3%) berbanding Malaysia yang mencatatkan kenaikan kepada 4.6% pada tahun 2021 (tahun 2020: 4.5%).

### SUMBER

- ❑ Andri Tri Pambudi. (2011). Pergeseran Struktur Perekonomian Atas Dasar Penyerapan Tenaga Kerja Di Provinsi Jawa Tengah. Fakultas Ekonomi, Universitas Diponegoro, Semarang. Diperoleh pada 08 September 2022 daripada [http://eprints.undip.ac.id/26853/1/skripsi\\_c2b\\_605\\_114\(r\).pdf](http://eprints.undip.ac.id/26853/1/skripsi_c2b_605_114(r).pdf)
- ❑ Aznan Hasan, Fatim Nadhirah Jamalolail, Akbar Abd Rahman, Fauzi Ahmad, Izul Amaris. (2022, may 31). Kesan Pandemik Covid-19 terhadap trajektori ekonomi Malaysia. *International Journal Of Interdisciplinary And Strategic Studies (IJISTRA)*, Vol. 3 No.4 (2022). Diperoleh pada 11 September 2022 daripada <https://ijista.com/journal/article/view/55>
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. KDNK mengikut negeri pada harga malar, 2005-2021 malaysi. Diperoleh pada 29 Mac 2022 daripada <https://mysidc.statistics.gov.my/index.php>
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Jenayah Malaysia, 2015-2020. Diperoleh pada 11 September 2022 daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portal/ep/eproductfreedownloadsearch.seam?cid=26768&pid=26767>
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. Buletin Perangkaan Sosial, Malaysia, 2012-2015. diperoleh pada 11 September 2022 daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portal/ep/eproductfreedownloadsearch.seam?cid=26803&pid=26767>
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Siri Masa Penduduk Bekerja Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia/Negeri, 1982-2021. Diperoleh pada 11 September 2022 daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctimeseries&menu\\_id=bnk3bk0wttkxoxvhavg3sufdmbluut09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctimeseries&menu_id=bnk3bk0wttkxoxvhavg3sufdmbluut09)
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia/Negeri, 1982-2021. Diperoleh pada 11 September 2022 daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?=column/ctimeseries&menu\\_id=bnk3bk0wttkxoxvhavg3sufdmbluut09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?=column/ctimeseries&menu_id=bnk3bk0wttkxoxvhavg3sufdmbluut09)
- ❑ Jabatan Perangkaan Malaysia. Pendaftar Aktif, Pendaftar Baru, Kekosongan Dan Penempatan Mengikut Negeri, Malaysia, 2000-2021. Diperoleh pada 11 September 2022 daripada <https://mysidc.statistics.gov.my/index.php>

Anjuruan oleh:



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



MALAYSIA INSTITUTE  
OF STATISTICS



f

i

s

t

y

v

o

u

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y

z

l

m

n

o

p

q

r

s

t

u

v

w

x

y